

SH / 20/01/2010 / T5

# UMT penyumbang terbanyak tabung darah

RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) muncul sebagai penyumbang terbanyak tabung darah, sekali gus mendahului institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain di negeri ini.

Pengarah Pusat Kesihatan UMT, Dr Arnie A Rahim berkata, pihaknya juga telah menerima Anugerah Jumlah Penderma Darah Paling Banyak antara IPTA di Terengganu, tahun lalu.

"Sikap dan kesediaan mahasiswa serta mahasiswi UMT mengambil bahagian dalam kempen derma darah menjadi tulang belakang kejayaan ini sehingga kami berjaya memegang rekod sebagai IPTA yang menjadi penyumbang paling banyak kepada tabung darah di negeri ini.

"Sejak 2003 lagi, kami



● DR ARNIE A RAHIM



● Penuntut berbangsa Cina mengambil bahagian dalam kempen derma darah di kolej kediaman UMT.

adakan sekurang-kurang tiga kali setahun kempen derma darah bagi mengisi tabung darah di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ)," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, menerusi kempen berkenaan secara tidak langsung memupuk semangat sukarelawan dan sifat prihatin dalam diri go-

longan mahasiswa.

"Kempen derma darah yang kini sudah menjadi agenda dan program tahunan Pusat Kesihatan UMT sentiasa mendapat sambutan menggalakkan daripada mahasiswa setiap tahun."

"Sebagai pembuka tirai tahun ini, kami turut mengadakan kempen derma darah pada 6 dan 7 Januari lalu,

seterusnya berjaya mengumpulkan sebanyak 182 pek darah," katanya.

Menurutnya, kempen derma darah berkenaan diadakan bertujuan mengisi tabung darah di HSNZ yang semakin berkurangan.

"Kami akan mengadakan kempen derma darah pada Februari, Ogos dan September," katanya.